

PERHIMPUNAN AGUNG TAHUNAN
PARTI PROGRESIF PENDUDUK MALAYSIA (PPP)(BARU)

Pusat Islam, Kuala Lumpur

21 Februari 1998

Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP)(Baru) dan Presidennya Datuk M. Kayveas kerana telah sudi menjemput saya untuk merasmikan perhimpunan agung PPP bagi tahun 1997. Pada tahun lalu tidak ada perhimpunan agung PPP oleh kerana saya tidak dapat memenuhi jemputan untuk merasmikannya.

Saya minta maaf atas perkara itu. Tetapi jika saya tidak merasmikannya kali ini, mungkin mesyuarat ditangguhkan lagi. Oleh itu saya anggap mesyuarat yang saya rasmikan hari ini ialah mesyuarat tahun 1997 dan juga tahun ini.

Bagaimanapun saya gembira hari ini kerana PPP telah berkembang maju dan berupaya mengatasi masalah yang dihadapinya dengan baik. Saya berharap masalah kepimpinan dalam PPP ini tidak akan 'menghantui'nya lagi.

Negara kita memerlukan kestabilan dan kepimpinan politik yang mantap untuk menjamin segala rancangan pembangunan kita mencapai kejayaan. Jika parti-parti komponen Barisan Nasional lemah maka lemahlah Kerajaan kita. Dengan kelemahan itu kita boleh dijajah semula.

Masalah dalaman parti-parti komponen Barisan Nasional hendaklah diselesaikan dengan bijaksana. Tidak perlu kita mendedahkan masalah kita kepada orang luar. Kita ada mekanisme masing-masing untuk menyelesaikan sebarang perselisihan atau perbezaan pendapat dalam parti komponen BN.

Pendekatan ini penting untuk menjamin Barisan Nasional bukan sahaja ternampak sentiasa utuh tetapi benar-benar kukuh. Kepentingan peribadi hendaklah diketepikan. Kejayaan bagi diri sendiri yang menyebabkan parti rosak tidak bermakna. Rosaknya parti maka rosaklah kita. PPP yang dahulu

adalah parti politik yang berwibawa telah menjadi lemah kerana rebutan kepimpinan parti. Akibatnya siapa juga yang menjadi pemimpin tidak mendapat kedudukan yang dihormati dan berkesan.

Jangan Asyik Bercakaran

Jika anggota-anggota parti asyik 'bercakaran' kerana percaya tempat atau jawatan dalam parti boleh memberi pulangan besar, alamatnya porak perandalah parti itu. Keadaan malang ini akan menjadi bertambah buruk jika pemimpin cuba meletakkan penyokong atau orang kesukaannya di tempat tertentu.

Bagi memastikan mereka dapat mencapai niat itu, mereka mungkin menyalahgunakan kuasa atau pengaruh mereka. Semua ini tidak dapat tidak akan melemahkan lagi parti dan menjadikan perjuangan parti semakin tidak berkesan.

Parti-parti yang asyik dengan politik dalaman akan lalai dan lupa tanggungjawab mereka yang sebenar. Apakah makna perjuangan jika kemenangan atau kekalahan dalam pemilihan pemimpin parti menyebabkan perjuangan parti tidak berhasil?

Masalah parti politik tidak boleh diselesaikan melalui undang-undang. Jika undang-undang menentukan kepimpinan parti, tetapi kepimpinan itu tidak diresdai oleh majoriti, maka ianya tidak akan berwibawa. Undang-undang boleh mengharam atau mengesahkan sesebuah parti politik, tetapi jika majoriti ahli mahu parti itu dikekalkan, keputusan mengikut undang-undang tidak akan menghasilkan apa-apa. Ingatlah yang menyebabkan parti politik wujud ialah kesanggupan ahli-ahli menerimanya sebagai alat sesuatu perjuangan. Jika perjuangan ini diganti dengan kepentingan pemimpin tertentu maka sokongan kepada parti akan hilang dan pemimpin tidak mempunyai parti untuk dipimpin.

Kita tidak nafi bahawa adakalanya pemimpin perlu ditukar. Tetapi penukaran hendaklah dilakukan secara teratur dan bijak. Kata pepatah Melayu urusan penukaran pemimpin hendaklah seperti menarik rambut dalam tepung, rambut dikeluarkan tanpa tepung berkecamuk. Apa gunanya pemimpin baru yang kononnya lebih baik jika parti yang hendak dipimpin olehnya hancur berkecai.

Jawatan atau kedudukan dalam mana-mana parti datang bersama dengan tanggungjawab dan amanah yang besar. Memperolehi kedudukan adalah

satu perkara. Melaksanakan tanggungjawab jawatan adalah perkara yang lain. Mungkin ramai orang yang boleh mendapat jawatan, tetapi tidak boleh melaksanakan tanggungjawabnya seperti yang diharapkan. Dengan itu urusan memilih pemimpin menjadi sia-sia sahaja.

Yang bertambah buruk lagi ialah apabila ada anggota-anggota parti menyangka jawatan atau kedudukan dalam parti boleh memberi peluang mengejar kekayaan.

Anggapan seperti inilah yang boleh memusnahkan Kerajaan, parti dan negara. Justeru itu, adalah penting setiap anggota parti komponen Barisan Nasional sentiasa beringat semasa memilih ketua atau pemimpin mereka. Pilihlah mereka yang boleh memimpin kita ke arah kebaikan dan bukan yang boleh menguntungkan diri kita sendiri. Ingatlah, bekerja atau berkhidmat dalam parti adalah suatu perjuangan yang memerlukan pengorbanan yang amat besar. Kita jangan mengharap sebarang balasan kerana kita mungkin kecewa apabila harapan tidak tercapai.

Kegawatan Ekonomi

Sepertimana yang diketahui negara kini sedang mengalami kegawatan ekonomi kesan daripada peniaga matawang menjatuhkan nilai Ringgit dan saham kita sejak Julai tahun lalu. Kita tidak berkata bahawa perbuatan mereka adalah satu rancangan jahat untuk melemah dan menekan kita, tetapi hakikatnya ialah perlakuan ini telah menyebabkan banyak masalah menimpa kita. Penurunan nilai matawang tetap menjadikan negara dan rakyat lebih miskin bahkan boleh membankrapkan syarikat perniagaan, bank, orang perseorangan bahkan negara. Kerana tekanan ini, huru-hara dalam masyarakat dan politik negara boleh berlaku. Kerajaan dan pemimpin boleh disalahkan sehingga usaha dibuat untuk menjatuhkan Kerajaan dan pemimpin-pemimpin tertentu. Tetapi kita bernasib baik kerana keadaan dalam negara kita terus tenang.

Sebenarnya jika huru-hara sosial dan rusuhan politik menyusuli kegawatan ekonomi maka keadaan ini akan disalahkan sebagai sebab kenapa kegawatan ekonomi menjadi teruk. Dengan itu semua pihak akan lupa bahawa sebenarnya kegawatan ekonomi bermula dan disebabkan oleh penurunan nilai matawang yang sengaja dibuat oleh pihak asing. Perbuatan mereka akan dilupakan sementara tumpuan diberi kepada rusuhan politik yang berlaku.

Jika kita renung sejenak tentulah kita sedar ekonomi dan politik kita tidaklah buruk sebelum jatuhnya matawang. Demikianlah kejayaan kita sehingga

kita digelar sebagai satu daripada *Asian Tiger* dan ramai pelabur asing datang ke sini untuk melabur dan mengaut keuntungan besar. Tetapi apabila nilai matawang kita dijatuhkan barulah tuduhan dibuat bahawa Kerajaan tidak cekap, rasuah dan sebagainya. Dalam sistem niaga wang yang dicipta oleh mereka, tiap kali wang dijual, nilainya akan jatuh. Dengan menjual wang kita berkali-kali nilai wang kita jatuh dengan teruk dan kegawatan ekonomi pun berlaku. Justeru itu yang bersalah sebenarnya ialah peniaga matawang.

Tetapi jentera propaganda mereka begitu cekap sehingga kita lupa tentang peranan mereka dan percaya bahawa masalah kita disebabkan oleh kita yang dikatakan tidak cekap, rasuah dan sebagainya. Justeru itu, mereka kononnya hilang keyakinan dan melarikan modal mereka. Jika sebenarnya perlakuan kita yang menyebabkan mereka kurang yakin, sepatutnya mereka dari mula lagi tidak melabur di sini dengan begitu banyak. Mustahil mereka baru sahaja tahu Kerajaan negara-negara Asia tidak baik sedangkan mereka memiliki badan penyelidikan yang cekap. Sebenarnya mereka tahu dan mereka nampak peluang meraih keuntungan yang besar daripada kita. Kemudian apabila kita sudah kaya mereka merompak. Hakikatnya ialah mereka mendapat keuntungan yang besar daripada menjatuhkan nilai matawang kita. Sebaliknya negara-negara membangun yang tidak kaya walaupun mengamalkan sistem dan dasar pentadbiran yang sama dengan kita tidak menghadapi kegawatan ekonomi. Nilai matawang mereka tidak jatuh. Sebabnya ialah mereka belum cukup kaya untuk dirompak.

Hilang Keyakinan

Apabila kita sudah jadi maju dan kaya sedikit maka ketika itu barulah kononnya keyakinan hilang dan matawang dijatuhkan. Tetapi demikianlah cekapnya mesin propaganda mereka sehingga ramai rakyat Asia Tenggara menyalahkan Kerajaan-kerajaan mereka dan turut hilang keyakinan, tidak percaya kepada matawang sendiri. Dengan itu proses menghancurkan ekonomi negara diambil oleh kita sendiri. Yang menyedihkan ialah sementara mereka untung besar daripada kejatuhan matawang kita, orang kita tidak dapat apa-apa keuntungan daripadanya. Sebaliknya kita terus rugi dengan teruknya.

Kita telah menerima demokrasi dengan segala kelemahannya. Kita lihat bagaimana adanya negara demokratik yang tidak dapat menubuhkan Kerajaan yang berwibawa yang menyebabkan masalah negara tidak dapat diatasi, kemiskinan dan penderitaan rakyat yang tidak putus-putus; kita lihat bagaimana rasuah digunakan untuk mendapat kuasa, bagaimana

media menjadi lebih berkuasa daripada pemimpin yang dipilih dan bagaimana minoriti boleh menidakkan hak majoriti. Kita lihat semua ini namun kita masih percaya kepada demokrasi.

Tetapi hari ini diperkenalkan pula demokrasi pasaran yang lebih kuat dan lebih tinggi daripada demokrasi politik. Hari ini kuasa pasaran atau *market forces* didakwa berhak untuk mendisiplinkan Kerajaan yang dipilih oleh rakyat. *Market forces* ini bukan pun dipilih atau datang dari negeri sendiri tetapi berpusat di negara asing. Namun tidak ada siapa boleh mencabar usaha *market forces* untuk menentukan bentuk Kerajaan, pemimpin Kerajaan dan negara serta dasar-dasar negara. Bahawa *market forces* ini hanya mengutamakan keuntungan bagi segelintir manusia yang tamak, yang tidak mempedulikan azab sengsara yang melanda negara dan rakyat yang menjadi sasaran serangan mereka, tidak mengapa. Bahawa *market forces* ini digunakan untuk memaksa penerimaan pendapat mereka, yang mana ini adalah bertentangan dengan prinsip demokrasi, tidak mengapa. Yang penting ialah hari ini pendapat Barat ialah *market forces* kononnya lebih tahu tentang bagaimana menentukan Kerajaan menjadi lebih demokratik, lebih *transparent*, lebih bebas daripada rasuah dan *crony-capitalism*. Walaupun ini tidak benar dan *market forces* hanya mengutamakan keuntungan bagi pihak tertentu tetapi semua mesti tunduk kepada *market forces*. Jika tidak *market forces* akan mendisiplinkan Kerajaan dengan mendera rakyat, pekerja dan peniaga sehingga negara menjadi bankrap.

Inilah perkembangan yang baru dalam tafsiran demokrasi. Mereka sudah ubah tiang gol sekali lagi supaya kita tetap tidak akan dapat mengejar kejayaan. Dengan ini perjuangan untuk mencapai kemerdekaan bermula semula.

Alhamdulillah, *God be Praised, up to now we are still able to resist. We have not been forced to submit to the agencies which desire to establish control over us.* Bahawa kita masih dapat menangkis penguasaan orang asing ke atas kita adalah bukti dasar dan pendekatan ekonomi negara dan Kerajaan berjaya menguatkan ketahanan negara kita. Jika tidak sudah tentu negara kita sudah lama tunduk kepada tekanan kuasa asing.

Pendekatan Baik

Hanya mereka yang mempunyai kepentingan lain, seperti kepentingan politik tertentu sahaja yang tidak mahu mengakui bahawa dasar dan pendekatan kita dalam membangunkan negara kita adalah baik dan

berkesan. Saya harap tidak ada sesiapa dalam Barisan Nasional yang cuba menggunakan kegawatan ekonomi negara untuk kepentingan politik mereka.

Sebaliknya kita dalam Barisan Nasional dan rakyat keseluruhannya hendaklah elak daripada pertikaian dan bersatu hati dalam usaha mempertahankan kedaulatan negara dan memulihkan semula ekonomi kita. Kerajaan telah menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) untuk menyelaraskan usaha ini dan kita telah mencipta pendekatan yang mampu menangani masalah ini. Yang diperlukan ialah kesanggupan rakyat bersabar, berkorban dan menolong menjayakan pendekatan yang dicipta oleh MTEN dan Kerajaan.

Dengan harapan kita semua bersatu usaha dan tenaga, dan mengenyepikan segala kepentingan peribadi, kepentingan politik, kepentingan kaum dan mengutamakan bangsa dan negara untuk memulihkan ekonomi negara, saya dengan sukacitanya merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan Parti Progresif Penduduk Malaysia (Baru) tahun 1997.